

18 JUN 2002

MAHATHIR-RANGSANGAN/I

SECARA PRAKTIKALNYA SEMUA PAKEJ RANGSANGAN TELAH DIBELANJAKAN, KATA PM

KUALA LUMPUR, 18 Jun (Bernama) -- Kerajaan telah membelanjakan hampir kesemua RM7.3 bilion bagi pakej rangsangan fiskal yang diperuntukkan pada 2001, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Secara praktikalnya semua," kata beliau semasa ditanya mengenai berapa banyak pakej rangsangan yang telah digunakan oleh kerajaan sehingga kini.

Dr Mahathir, yang juga Menteri Kewangan dan Presiden UMNO, berkata demikian semasa sidang media selepas melawat "Ekspo Nasional Usahawan Pemuda Bumiputra" yang diadakan sempena Perhimpunan Agung Umno di sini.

Dalam usaha untuk mengatasi kesan negatif terhadap kelembapan ekonomi dunia, terutamanya disebabkan oleh ekonomi AS dan Jepun yang lembap, kerajaan mengadakan pakej rangsangan berjumlah RM3 bilion pada Mac tahun lepas dan menambah RM4.3 bilion lagi pada September selepas kejadian serangan penganas pada 11 Sept.

Pakej rangsangan berkenaan dijangka memberi kesan berganda terhadap ekonomi negara memandangkan dana-dana dikeluarkan melalui perbelanjaan terhadap barangan dan perkhidmatan.

Meskipun permintaan luar yang rendah sedikit, penggunaan persendirian dalam negara dan perbelanjaan kerajaan yang tinggi melalui pakej rangsangan telah membolehkan Malaysia mencatatkan pertumbuhan ekonomi sebanyak 0.4 peratus tahun lepas dan pertumbuhan yang dianggarkan untuk tahun ini ialah lebih daripada 4.0 peratus. -- BERNAMA

MAD SHY NHD